

05/10/2000

Dr M, Goh selesaikan isu Malaysia, Singapura

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Rabu - Segala pakej penyelesaian membabitkan pelbagai isu yang pernah merenggangkan hubungan Malaysia dan Singapura, kini diserahkan kepada budi bicara pemimpin tertinggi kedua-dua negara.

Sebelum ini, empat mesyuarat peringkat pegawai kedua-dua negara sejak dua tahun lalu yang menyerahkan rangka pakej kepada menteri luar, gagal untuk mencapai kata sepakat.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, yakin dengan hubungan dua hala semakin mantap sekarang, semua isu yang menggugat semangat kejiranan kedua-dua negara selama ini dapat dileraikan tidak lama lagi.

"Sekarang terserah kepada pemimpin tertinggi Malaysia dan Singapura, iaitu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Goh Chok Tong, untuk mencari formula menyelesaikan semua isu yang dipersetujui sebagai satu pakej.

"Tidak ada guna untuk pegawai dan menteri kedua-dua negara terus mengadakan mesyuarat, tetapi tidak boleh menyelesaikan masalah," katanya ketika ditemui di sini.

Beliau mengulas mengenai perkembangan mesyuarat antara pegawai kedua-dua negara yang ditugaskan untuk mencari formula kepada pakej penyelesaian hubungan kedua-dua negara sejak idea itu dicetuskan Perdana Menteri dalam pertemuan dengan Goh ketika menghadiri Sidang Kemuncak Asean di Hanoi pada 1998.

Antara isu yang disenaraikan dalam pakej itu ialah masalah bekalan air dari Johor ke Singapura; soal Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) di Tanjong Pagar; penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Republik Singapura (RSAF); dan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF).

Syed Hamid berkata pakej itu juga akan membabitkan cadangan untuk membina jamabatan kedua di Tambak Johor.

Hubungan dua hala Malaysia-Singapura agak tegang beberapa ketika berikutan tercetus pelbagai isu berkenaan dan mesyuarat peringkat pegawai kedua-dua pihak, gagal mencapai penyelesaian yang memuaskan.

Bagaimanapun, hubungan itu semakin pulih sejak akhir-akhir ini terutama selepas lawatan rasmi Menteri Kanannya, Lee Kuan Yew, baru-baru ini dan Jawatankuasa Kerja Muda PAP pula menerima jemputan Pergerakan Pemuda Umno untuk mengadakan lawatan rasmi ke sini minggu depan.

Syed Hamid berkata tiada rangka waktu ditetapkan bagi menyelesaikan pakej berkenaan tetapi kedua-dua pemimpin negara dijangka bertemu di Singapura yang menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean hujung tahun ini.

"Lebih cepat kedua-dua pemimpin dapat menyelesaikan masalah ini lebih baik. Perkara pokok di sini ialah kita mesti mencapai kepada satu titik di mana kedua-dua pihak bersetuju dalam segala hal bukannya hanya sesuatu isu.

"Kerana itu sejak dari awal kita menekankan ia mesti dicapai dalam situasi menang-menang... mesti ada sikap tolak ansur dan kompromi daripada kedua-dua pihak," kata Syed Hamid.

Beliau berkata, kedua-dua negara tidak boleh lagi dibebankan dengan sejarah lama, sebaliknya perlu bersama-sama membina masa depan yang lebih cemerlang.

"Singapura akan sentiasa berada di sana, kita tidak boleh terus bertegang urat dengan mereka setiap masa.

"Kita kena tengok kepada keseluruhan kepentingan jangka panjang, iaitu

situasi yang dapat memberi manfaat dan mengukuhkan kedudukan kedua-dua negara.

"Sejarah telah berlalu, sekarang kita perlu sama-sama membina masa depan. Tidak ada siapa yang untung sekiranya kedua-dua negara terus bertelagah.

"Kita mungkin mempunyai perbezaan dalam perkara tertentu tetapi ia tidak patut menjejaskan hubungan dua hala kita," katanya.

(END)